

# UiTM pertahan 'ibu segala pingat' SUKIPT

Oleh **Izzali Ismail** - September 14, 2024 @ 5:01pm  
[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



Pemain Universiti Teknologi MARA (UiTM) meraikan kejayaan mengekalkan pingat emas acara bola sepak SUKIPT 2024 edisi ke-6 di Stadium Universiti Utara Malaysia semalam. - NSTP/ IZZALI ISMAIL

SINTOK: Universiti Teknologi MARA (UiTM) mempertahankan 'ibu segala pingat' Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 apabila menewaskan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2-1 pada aksi final acara bola sepak di Stadium Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam.

Lebih bermakna kejayaan itu adalah kali ketiga berturut-turut mereka memenangi pingat emas selepas mengungguli acara itu pada 2018 dan 2022.

Pada aksi final itu, skuad UiTM kendalian ketua jurulatih Mohd Yazli Yahya mendahului menerusi Ahmad Taufik Lukman sebelum UKM bangkit menyamakan kedudukan menerusi Muhammad Hadi hasil sepakan penalti.

Kedudukan 1-1 itu terikat hingga tamat 90 minit masa permainan sekali gus mengheret aksi ke masa tambahan yang menyaksikan Muhammad Fakrul Radzi muncul hero UiTM apabila menjaringkan gol kemenangan.

"Walaupun kami turut beraksi dalam masa tambahan di separuh akhir semalam, saya gembira kerana pemain kekal fokus dan tidak menunjukkan keletihan dalam misi mempertahankan emas," kata Yazli.